

Gagal jelas negara Islam bukti Pas cuba raih simpati

UM 12 JAN 2007

SLIM RIVER 11 Jan. — Kegagalan Pas menyahut cabaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan negara Islam yang hendak ditubuhkan menunjukkan parti itu cuba meraih sokongan pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Kayangan.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, telah berbulan-bulan Dr. Mahathir mencabar Pas supaya menjelaskan negara Islam yang diilhamkan, tetapi tidak berbuat demikian sama ada di Parlimen atau pun di luar.

"Ini jelas menunjukkan itu hanya slogan mereka semata-mata dan mereka sebenarnya ingin meraih simpati sokongan dan undi pada pilihan raya kecil di Perlis," ujarinya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri, Pemimpin Bersama Rakyat anjuran UMNO Bahagian Kampar, Tapah dan Tanjong Malim di Dewan Tan Sri Ghazali Jawi di sini, semalam.

Turut hadii pada majlis tersebut ialah Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali yang juga pengerusi Perhubungan UMNO negeri serta pemimpin-pemimpin komponen Barisan Nasional (BN), MIC, Gerakan dan MCA.

Beliau kesal dengan taktik Pas tetapi sebaliknya menuduh UMNO tidak Islam.

"Semua ini semata-mata Pas cuba meraih simpati rakyat, terutama pada pilihan raya yang akan menjelang di Perlis nanti," katanya.

Muhyiddin menjelaskan, kerajaan Barisan Nasional (RN) di bawah pimpinan UMNO jelas telah melaksanakan semua dasar-dasar Islam yang membolehkan semua rakyat daripada berbilang kaum hidup aman dan damai.

Rata beliau, umat Islam di negara ini hidup tanpa gangguan seperti beberapa negara lain dan dapat menunaikan kewajipan Islam seperti membayar zakat, fitrah dan menunaikan fardu Haji.

"Ini semua adalah kerana corak kepimpinan di bawah UMNO, cuba kita lihat beberapa negara Islam lain yang hut-u-hara, kebuluran tidak seperti apa yang kita nikmati di negara ini," ujarinya.